



NAMA PERNIAGAAN

Perniagaan Jus Buah Bercampur Segar

ALAMAT PERNIAGAAN

No 12,jalan Kledang Raya 23,10300,Taman Alkaff,
Ipoh Perak

RANCANGAN PERNIAGAAN

NAMA CALON	MUHAMMAD NORHASIF IRFAN BIN MOHD KAMAL
NO KAD PENGENALAN	050803-08-0549
ANGKA GILIRAN	AC031A065
NAMA SEKOLAH	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN ST MICHAEL IPOH

Perakuan Calon
Ketulenan Hasil Tugas Projek Kertas 3766/3
Sijil Pelajaran Malaysia
Tahun 2022

Saya mengakui bahawa hasil tugas projek yang dikemukakan untuk memenuhi syarat Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia 2022 bagi mata pelajaran Perniagaan 3766/3 adalah tulen.

Nama Sekolah : SMK ST MICHAEL IPOH, PERAK

Nama Calon : MUHAMMAD NORHASIF IRFAN BIN MOHD KAMAL

-

No. Kad Pengenalan : 050803-08-0549

Angka Giliran : AC031A065

Tandatangan : ***Hasif***

Tarikh : 16 OKT0BER 2022

Borang perakuan ini mestilah disertakan di bahagian hadapan tugas projek.

ISI KANDUNGAN

PERKARA HALAMAN

Muka Surat

1.	Ringkasan Eksekutif	i-iii
2.	Pengenalan	1
3.	(a) Latar Belakang Perniagaan	4
	(b) Latar Belakang Rakan Kongsi	5-7
4.	Rancangan Pentadbiran / Organisasi	8
5.	Rancangan Operasi	13
6.	Rancangan Pemasaran	25
7.	Rancangan Kewangan	32
8.	Penutup	36

RINGKASAN EKSEKUTIF

Perniagaan Jus Buah Bercampur Segar merupakan sebuah perniagaan yang berstatuskan milikan perkongsian yang beralamat di 12, Jalan Kledang Raya 23, Taman Alkaff, 10300, Ipoh Perak. Perniagaan ini menjalankan perniagaan minuman kesihatan di kawasan Ipoh. Perniagaan Jus Buah Bercampur Segar mempromosikan jus minuman kesihatan di media sosial seperti Whatsapp, Instagram, dan Facebook. Selain itu, promosi dilakukan dengan meletakkan kain banting dan mengedarkan risalah.

Perniagaan Jus Buah Bercampur Segar menetapkan misi iaitu ingin menjadi peneraju minuman terbaik dengan meningkatkan sasaran jualan dan sasaran untung melalui perancangan objektif dan strategi yang cekap, teliti dan berkesan. Seterusnya, visi Perniagaan Jus Buah Bercampur Segar ialah memastikan penjualan jus minuman kesihatan kami dapat memuaskan pelanggan kerana pelanggan merupakan keutamaan kami. Di samping itu, objektif Perniagaan Jus Buah Bercampur Segar ialah ingin meluaskan pengaruh perniagaan ke kawasan sekitar negeri Perak pada tahun 2025.

Perniagaan Jus Buah Bercampur Segar mempunyai struktur pentadbiran yang kukuh pada masa kini dengan diketuai oleh seorang pengurus besar dan mempunyai 4 pengurus yang lain seperti pengurus pentadbiran, pengurus kewangan, pengurus operasi, pengurus pemasaran. Selain itu, pengurus pentadbiran mempunyai kerani pentadbiran. Pengurus operasi pula, mempunyai 4 pekerja dibawahnya. Manakala, pengurus pemasaran mempunyai kerani pemasaran. Pengurus berperanan menguruskan pentadbiran perniagaan, kerani dan pekerja perlu mendengar arahan daripada pengurus masing-masing untuk melakukan sesuatu tugas.

Perniagaan Jus Buah Bercampur Segar beroperasi pada hari isnin hingga jumaat pada pukul 7:00 pagi sehingga 6:00 petang. Untuk hari sabtu, waktu operasi adalah 7:00 pagi sehingga 5:30 petang. Perniagaan Jus Buah Bercampur Segar bercuti pada hari ahad bagi memastikan pekerja rehat yang secukupnya.

Pada peringkat awal penubuhan perniagaan, sebanyak RM100,000 disediakan sebagai modal perniagaan untuk membiayai pembelian bahan mentah, alatan dan keperluan operasi lain.

Selepas itu,nombor pendaftaran Perniagaan Jus Buah Bercampur Segar ialah 004739525107.Perniagaan Jus Buah Bercampur Segar mensasarkan jualan akan meningkat sebanyak 10% manakala keuntungan berdasarkan jualan pula adalah sebanyak 10% setiap bulan.

Tujuan kertas kerja ini disediakan adalah untuk membentangkan segala perancangan yang telah dirangka bagi mendapatkan pembiayaan kewangan sebanyak RM100,000 daripada Skim Pembiayaan Bank Simpanan Nasional (BSN).Hal ini bagi menampung kos penyelenggaraan kenderaan,membeli stok bahan mentah dan alatan keperluan bagi memudahkan operasi perniagaan..

Kesimpulannya,saya ingin membuka beberapa cawangan di kawasan semenanjung Malaysia bagi meluaskan pengaruh Perniagaan Jus Buah Bercampur Segar sekali gus dapat membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat tempatan pada masa hadapan.

1.0 PENGENALAN

Perniagaan Jus Buah Bercampur Segar merupakan sebuah perniagaan milikan perkongsian. Perniagaan ini dimiliki oleh 3 orang iaitu saudara Cobin Mendoza A/L Thomas (40% milikan saham perniagaan), saudara Ong Kim Swee (10% milikan saham perniagaan) dan saya sendiri iaitu Muhammad Norhasif Irfan Bin Mohd Kamal sebagai pemilik saham perniagaan terbesar iaitu sebanyak 50%

Program Latihan Perniagaan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dimana pihak kerajaan menggalakkan para belia menyertai bidang perniagaan dan keusahawanan. Program yang dilaksanakan ialah Kursus Pembangunan Usahawan dan Latihan oleh Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)

Perniagaan ini menghasilkan produk utamanya iaitu menghasilkan jus kesihatan daripada buah-buahan tempatan iaitu buak kelapa dan dicampur bersama lemon

Perniagaan secara perkongsian ini dilakukan oleh kami kerana merasakan perniagaan ini memberikan lebih kebaikan antaranya ialah kami dapat mengumpul modal dengan lebih besar, kos overhead lebih rendah dan fleksibel daripada segi pengurusan dan hubungan dengan pelanggan.

Pada awal operasi Perniagaan Jus Buah Bercampur Segar ini beroperasi di pejabat yang terletak di kawasan perumahan Taman Alkaff, Silibin, Ipoh Perak

1.1 TUJUAN PENYEDIAAN RANCANGAN PERNIAGAAN

Tujuan Rancangan Perniagaan ini disediakan adalah untuk mendapat kemudahan pembiayaan sebanyak RM100,000 dari Skim Pembiayaan dikelolakan oleh Bank Simpanan Nasional (BSN) iaitu skim Agrofood Facility (AF) untuk tempoh 7 tahun. Skim pembiayaan ini dipilih kerana ianya memberikan kadar faedah yang munasabah dan berpaptutan. Selain itu, syarat permohonan juga lebih mudah dipenuhi.

Permohonan pembiayaan ini dipohon untuk kegunaan operasi perniagaan seperti pembelian kenderaan, mesin peralatan untuk pengeluaran jus, ubahsuai premis, pembelian stok perbelanjaan pra operasi dan modal pusingan bagi membuka premis menghasilkan jus Perniagaan Jus Buah Bercampur Segar yang terbaru di kawasan Perumahan.

1.2 PEMOHON PERNIAGAAN PEMBIAYAAN

Kemudahan pembiayaan yang dipohon adalah bagi keperluan kewangan seperti berikut:

NO.	KEPERLUAN	RM
1.	Kenderaan (van terpakai)	45,000.00
2.	Peralatan kedai & premis (mesin bancuh jus & pembungkusan)	75,000.00
3.	Ubahsuai & dekorasi	20,000.00
4.	Pembelian stok, buah-buahan tempatan & bahan mentah lain	20,000.00
5.	Pembelajaan pra operasi	20,000.00
6.	Modal pusingan	20,000.00

• 1.3 CADANGAN STRUKTUR PEMBIAYAAN

SUMBANGAN/PEMBIAYAAN	%	RM
Pengusaha (sumber dalaman) -perkongsi A (50%) -perkongsi B (40%) -perkongsi C (Rakan Kongsi Lelap (10%))	50%	100,000.00
Pinjaman (Skim pebiayaan BSN) -peralatan kedai & premis (mesin bancuh jus pembungkusan) -ubahsuai & dekorasi	50%	100,000.00
JUMLAH	100%	RM200,00.00

2.0 LATAR BELAKANG PERNIAGAAN

PERKARA	MAKLUMAT/KETERANGAN
Nama perniagaan	Perniagaan Jus Buah Bercampur Segar
Alamat Premis Perniagaan	No 12,Jalan Kledang Raya 23,10300,Taman Alkaff,Ipoh Perak
No.Telefon dan Faks	017-4863798/017-4863798
Emel/FB	pjbbs22@gmail.com/ Jus Buah Bercampur segar
Bentuk Milikan Perniagaan	Perkongsian
Kegiatan Utama Perniagaan	Membuat jus kesihatan yang segar dan berkhasiat
Tarikh Pendaftaran Perniagaan	1 JULAI 2022
Tarikh Mula Perniagaan	1 OGOS 2022
No.Pendaftaran Perniagaan (SSM)	004739525207
Modal Sumbangan Rakan Kongsi	Rakan Kongsi A- (50%) Rakan Kongsi B- (40%) Rakan Kongsi C- (10%)
Nama Bank Perniagaan	Bank Simpanan Nasional (BSN)
No.Akaun Bank Perniagaan	02013212345678

3.0 LATAR BELAKANG RAKAN KONGSI

A) RAKAN KONGSI AKTIF

BUTIRAN	MAKLUMAT
Nama Penuh	Muhammad Norhasif Irfan Bin Mohd Kamal
Nombor Kad Pengenalan	820803-08-0549
Tarikh Lahir/Umur	3 OGOS 1982 / 40 Tahun
Status Perkahwinan	Bujang
Alamat Tetap	No.12,Jalan Kledang Raya 23,Taman Alkaff,10300,Ipoh Perak
Nombor telefon	013-5288810
Emel	hasifirfan2005@gmail.com
Kelulusan Akademik	Ijazah Sarjana Muda,Perniagaan
Kemahiran	Pentadbiran Perniagaan,Bahasa
Pengalaman	Pereka Grafik (6 Tahun)
Kursus/Latihan yang dihadiri serta nama penganjur	Kursus usahawan anjuran Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)

B)RAKAN KONGSI AKTIF

BUTIRAN	MAKLUMAT
<i>Nama Penuh</i>	<i>Cobin Mendoza A/L Thomas</i>
<i>Nombor Kad Pengenalan</i>	<i>860610-09-0324</i>
<i>Tarikh Lahir/Umur</i>	<i>22 FEBRUARI 1986 / 36 Tahun</i>
<i>Status Perkahwinan</i>	<i>Berkahwinan</i>
<i>Alamat Tetap</i>	<i>No 2 ,Jalan Rebana ,Kampung Tengku Hussein Baru,10300,Ipoh Perak</i>
<i>Nombor telefon</i>	<i>017-5033088</i>
<i>Emel</i>	<i>cobinmendoza86@gmail.com</i>
<i>Kelulusan Akademik</i>	<i>Ijazah Sarjan Muda, Perakaunan</i>
<i>Kemahiran</i>	<i>Pentadbiran Perniagaan, Bahasa</i>
<i>Pengalaman</i>	<i>Pereka Grafik (5 tahun)</i>
<i>Kursus/Latihan yang dihadiri serta nama penganjur</i>	<i>Kursus usahawan anjuran Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP)</i>


C)RAKAN KONGSI LELAP

BUTIRAN	MAKLUMAT
<i>Nama Penuh</i>	<i>Ong Kim Swee</i>
<i>Nombor Kad Pengenalan</i>	<i>821210-10-2885</i>
<i>Tarikh Lahir/Umur</i>	<i>10 DISEMBER 1982 / 40 Tahun</i>
<i>Status Perkahwinan</i>	<i>Bujang</i>
<i>Alamat Tetap</i>	<i>No 2 ,Jalan Bunga ,Kampung Tengku Hussein Baru,10300,Ipoh Perak</i>
<i>Nombor telefon</i>	<i>013-530012</i>
<i>Emel</i>	<i>ongkswee82@gmail.com</i>
<i>Kelulusan Akademik</i>	<i>Ijazah Sarjan Muda, Perniagaan</i>
<i>Kemahiran</i>	<i>Pentadbiran Perniagaan, Bahasa</i>
<i>Pengalaman</i>	<i>Pereka Grafik (5 tahun)</i>
<i>Kursus/Latihan yang dihadiri serta nama penganjur</i>	<i>Kursus usahawan anjuran Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)</i>

4.0 RANCANGAN PENTADBIRAN

Perniagaan Jus Buah Bercampur Segar mempunyai cara pentadbirannya sendiri. Rancangan pentadbiran mengandungi maklumat mengenai tenaga kerja dan kos perbelanjaan yang terlibat di bahagian pentadbiran perniagaan. Antara perkara yang terkandung dalam rancangan pentadbiran ialah:

4.1 CARTA ORGANISASI PERNIAGAAN



4.2 SPESIFIKASI TUGAS PENTADBIRAN

NO.	NAMA	JAWATAN	HURAIAN TUGAS
1.	Muhammad Norhasif Irfan Bin Mohd Kamal	Pengurus Besar	-Mengawal dan mengenal dasar. -Memantau perjalanan perniagaan.
2.	Cobin Mendoza A/L Thomas	Pengurus Pentadbiran	-Mengawal selia. -Mengetahui pasti dana menyelesaikan masalah.
3.	Nur Shafia Alia Binti Mohd Solihin	Pengurus Kewangan	-Memastikan aliran wang diurus dengan baik. -Mengemaskini akaun dan penyata kewangan.
4.	Ahmad Najmie Bin Safri	Pengurus Operasi	-Melaksanakan tempahan. -Merangka strategi pemasaran.
5.	Nafizah Binti Shahimi	Pengurus Pemasaran	-Merekod tempahan. -Memastikan pelanggan berpuas hati.
6.	Xiu Ying Chu	Kerani Pentadbiran	-Menyediakan laporan kerja rutin. -merekod pengeluaran bahan mentah kepada kakitangan.
7.	Nur Afifah Zulaikha Binti Abdullah	Kerani Pemasaran	-Melayan pelanggan. -mengurus aktiviti bagi mempromosi produk.
8.	Mohamed Salah Bin Mohd Kassim	Pemandu Lori	-Mematuhi undang-undang jalan raya. -menghantar barang ke destinasi.
9.	Syahidatul Shazwani Binti Laisa	Pekerja Am 1	-Membuat air. -Memasukkan air ke dalam botol.
10.	Jessie Jane Benny	Pekerja Am 2	-Mengkaji gula dan tarikh luput produk. -Mengkaji tahap kesihatan produk.
11.	Nathael Emanuel A/L Chari	Pekerja Am 3	-Membuat pembungkusan produk. -Menjaga stor dan kemasan aturan barang.

4.3 PENGGAJIAN

Berikut adalah kadar bayaran gaji:

NO.	NAMA	GAJI ASAS	KWSP	PERKESO	<i>JUMLAH</i>
1.	Muhammad Norhasif Irfan Bin Mohd Kamal	3,000	390	51.65	3,441.65
2.	Cobin Mendoza A/L Thomas	3,000	390	51.65	3,441.65
3.	Nur Shafia Alia Binti Mohd Solihin	2,500	325	42.85	2,867.85
4.	Ahmad Najmie Bin Safri	2,500	325	42.85	2,867.85
5.	Nafizah Binti Shahimi	2,500	325	42.85	2,867.85
6.	Xiu Ying Chu]	1,800	234	30.65	2,064.65
7.	Nur Afifah Zulaikha Binti Abdullah	1,800	234	30.65	2,064.65
8.	Mohamed Salah Bin Mohd Kassim	2,000	260	34.15	2,294.15
9.	Syahidatul Shazwani Binti Laisa	1,500	195	25.35	1,720.35
10.	Jessie Jane Benny	1,500	195	25.35	1,720.35
11.	Nathael Emanuel A/L Chari	1,500	195	25.35	1,720.35
		23,600	2,743	403.35	27,071.35

4.3.2 BENTUK INSENTIF PEKERJA

Beberapa insentif seperti cuti tahunan, cuti sakit, cuti bersalin, bonus tahunan dan kos perubatan telah diperuntukkan kepada para pekerja bagi menghargai jasa yang disumbangkan oleh pekerja dalam menjalankan tugas.

i)Cuti Tahunan

-Cuti tahunan diberikan kepada pekerja tidak termasuk cuti umum. Sekiranya pekerja mengambil cuti melebihi cuti tahunan yang diberi, maka gajinya akan ditolak berdasarkan gaji sehari mengikut bilangan hari cuti tambahan yang diambil.

ii)Cuti Sakit

-Cuti sakit akan diberikan kepada pekerja yang telah mendapat kelulusan daripada doktor berdaftar yang dilantik. Gaji pekerja akan dibayar semasa cuti sakit.

iii)Cuti Bersalin

-Pekerja wanita yang mengandung mestilah telah bekerja dengan majikan untuk tempoh atau jumlah keseluruhannya adalah 90 hari dalam tempoh 9 bulan sebelum bersalin. Hendaklah memaklumkan kepada majikan berkenaan perkara tersebut dan tarikh bermulanya cuti bersalin beliau. Jika dia memulakan cuti bersalin tanpa memaklumkan kepada majikan, pembayaran elaun tersebut boleh digantung sehinggalah diberitau oleh majikan

v)Kos Perubatan

-Sekiranya terdapat pekerja yang mengalami kecederaan ataupun kemalangan semasa bekerja, pihak syarikat akan membayar kos perubatan tersebut manakala, pekerja akan diberi rawatan perubatan secara percuma

iv)Bonus Tahunan

-Pihak syarikat juga akan memberi gaji bonus pada setiap hujung tahun bergantung pada peratus keuntungan yang diperolehi pada tahun berkenaan.

4.4 KOS PENTADBIRAN

Senarai kos pentadbiran untuk keperluan pejabat seperti kelengkapan perabot, peralatan dan bekalan pejabat perlu disenaraikan bagi membolehkan kos-kos yang terlibat di bahagian pentadbiran dikenal pasti dan direkodkan.

Tarikh beli	Aset Tetap	Harga Seunit (RM)	Kuantiti	JUMLAH (RM)
2/8/2022	Set komputer dan pencetak	1,250	4 unit	5,000
3/8/2022	Set meja dan kerusi	250	4 unit	1,000
3/8/2022	Telefon dan mesin faks	300	2 unit	600
4/8/2022	Penyaman udara	300	7 unit	2,100
4/8/2022	Rak kabinet	500	5 unit	2,500
5/8/2022	Belanja Am	400		400
	JUMLAH			11,600

5.0 RANCANGAN OPERASI

Perniagaan Jus Buah Bercampur Segar Menguruskan operasi perniagaan dengan mengamalkan sistem kaedah berikut:

5.1 JENIS PRODUK




HURAIAN:

Perniagaan Jus Buah Bercampur Segar telah mengeluarkan produk jus kesihatan yang dihasilkan daripada buah tempatan iaitu buah kelapa dan dicampuri daripada bahan berkhasiat iaitu buah lemon. Jus ini mempunyai kelebihan seperti memulihkan penyakit yang ada di dalam badan. Selain itu, air kelapa dan lemon juga boleh melembapkan dan menghilangkan kedutan pada wajah. Seterusnya, campuran kedua bahan ini juga dapat mengurangkan risiko bengkak, menyembuhkan tekanan darah tinggi, mencegah jangkitan saluran kencing dan mencairkan darah (baik untuk penghidap masalah jantung).

5.2 CARTA ALIR PROSES PRODUK

Berikut merupakan carta aliran proses pengeluaran produk kelapa lemon oleh

Perniagaan Jus Bercampur Segar adalah seperti berikut:



5.3 WAKTU OPERASI PERNIAGAAN

Berikut merupakan waktu beroperasi di premis perniagaan Jus Buah Buah Bercampur Segar.

HARI	WAKTU OPERASI
Isnin-Jumaat	7:00 pagi - 6:00 petang
Sabtu	7:00 pagi - 6:00 petang
Ahad	Cuti Umum

5.4 SPESIFIKASI TUGAS OPERASI

NO	JAWATAN	TUGAS OPERASI
1	Pengurus Operasi	-Melaksanakan tempahan -Merangkan strategi pemasaran
2	Pekerja Am 1 hingga Pekerja Am 3	SEBELUM PENGELUARAN -Bersihkan bahan-bahan mentah -Siapkan mesin & bahan-bahan yang diperlukan SEMASA PENGELUARAN -Membancuh mengikut nisbah yang betul -Memastikan mesin beroperasi dengan baik SELEPAS PENGELUARAN -Susun dengan kemas -meletakkan produk di stor simpanan
3	Pemandu Lori	-Mematuhi undang-undang jalan raya -menghantar barang ke destinasi

5.5 KEDUDUKAN PREMIS PERNIAGAAN

NO 12, JALAN KLEDANG RAYA 23, TAMAN ALKAFF, SILIBIN, 30100 IPOH PERAK.



SAYA MEMILIH LOKASI INI KERANA:

1) Senang Nampak

~Mata kasar manusia jika melihat sesuatu, jarang sekali menipu. Lokasi kedai ini tepat di kawasan orang awam lalu lalang dan senang untuk dilihat.

2) Akses Keluar Masuk

~Lokasi ini mempunyai laluan yang mudah dan tidak terlalu sibuk.


3) Pekerja Setempat

~Lokasi perniagaan berhampiran dengan rumah pekerja.


5.6 SUSUN ATUR RUANG PREMIS PERNIAGAAN

Pelan ruang operasi perlu disediakan untuk membantu usahawan merancang susun atur ruang operasi yang bersesuaian dengan keperluan operasi perniagaan. Susun atur ruang operasi berbeza mengikut jenis dan skala perniagaan.

(Tingkat 2)



(Tingkat 1)



5.6 .1 GAMBAR PREMIS



GAMBAR HADAPAN PREMIS



GAMBAR DALAM PREMIS

5.7 RAKAN STRATEGIK NIAGA

Perniagaan Jus Buah Bercampur Segar amat memerlukan rakan niaga yang dapt melicinkan lagi operasi perniagaan rakan strategik perniagaan sangat diperlukan supaya segala urusan pentadbiran dan operasi perniagaan berjalan dengan lancar. Antara rakan strategik perniagaan ialah:

a)BANK

~Bantuan urusan berkaitan kewangan daripada bank sangat diperlukan untuk melicinkan operasi perniagaan. Buat masa ini, perniagaan menggunakan perkhidmatan daripada Bank BSN dan Bank Rakyat untuk urusan berkaitan kewangan perniagaan.

b)PEMBEKAL SUMBER BAHAN MENTAH

~Pembekal bahan mentah buah kelapa di sekitar dalam negeri Perak telah dikenali pasti. Pembekal ini akan sentiasa membekalkan buah-buahan segar untuk pengeluaran syarikat.

c)AGENSI KERAJAAN

~Agensi kerajaan seperti Majlis Bnadaraya Ipoh, Lembaga Air Perak, Tenaga Nasional Berhad, Pos Malaysia sangat membantu dalam urusan operasi perniagaan.

d)TEKUN NASIONAL

~Membimbing usahawan yang terlibat serta membekalkan pakej yang dipersetujui bagi memastikan perniagaan yang dijalankan berjaya.

5.8 KOS OPERASI

A)Kos Bahan Mentah

NO	BUTIRAN	KUANTITI	ANGGARAN SEMINGGU (RM)	ANGGARAN SEBULAN (RM)
1.	Buah kelapa muda	5 kg	RM 175	RM 2100
2.	Buah lemon	3 kg	RM 105	RM 3255
3.	Gula cair	2 kg	RM 70	RM 2170
4.	Ais batu	6 kg	RM 30	RM 930
		JUMLAH	RM 380	RM 8455

A)Kos Peralatan

NO	BUTIRAN	KUANTITI	ANGGARAN SEMINGGU (RM)	ANGGARAN SEBULAN (RM)
1.	Botol plastik kosong	100 unit	RM 70	RM 2170
2.	Plastik	100 unit	RM 70	RM 2170
		JUMLAH	RM 140	RM 4340

C)Kos Overhead

NO	BUTIRAN	JUMLAH
1	Elektrik	RM 500.00
2	Telefon	RM 400.00
3	Air	RM 418.00
	JUMLAH	RM 1118.00

D)Kos Lain-Lain

NO	BUTIRAN	JUMLAH (RM)	TARIKH
1	Kursus pengendalian makanan (anjuran:Majlis Bandaraya Ipoh & Kementerian Kesihatan Malaysia)	RM 250.00	OGOS 2022
2	Sewaan Premis	RM 3000.00	OGOS 2022
3	Sijil Halal	RM 100.00	OGOS 2022
4	Ubahsuai Premis	RM 10000.00	OGOS 2022
5	Lesen GDL	RM 250.00	OGOS 2022
6	Daftar MyIPO	RM 1790.00	OGOS 2022
7	Papan Tanda Kedai	RM 300.00	OGOS 2022
8	Lesen SPAD	RM 1513.00	OGOS 2022
9	Suntikan Typhoid	RM 70.00	OKTOBER 2022
10	Insuran	RM 1500.00	DISEMBER 2022

NO	BUTIRAN	KUANTITI	HARGA (RM)	PEMBIAYAAN	TARIKH
11	Mesin jus	1 set	Harga=46000 Faedah=5% Tempoh=10 tahun Bayaran pendahuluan =RM5000 Asas=41000/120 bulan =341 Faedah=41000 x 5% x 10 =20500 =20500/120 bulan =170 341+170=RM511.00	BSN	OGOS
12	Kenderaan (Lori)	sebuah	Harga=45000 Faedah=4.25% Tempoh=9 tahun Bayaran pendahuluan =RM5000 Asas=40000 x 108 bulan =370 Faedah=40000 x 4.25% x 9 =15300 =24000/108 bulan =141 370 + 141=RM511.00	BSN	OGOS

5.9 PENGURUSAN SUMBER FIZIKAL DAN SUMBER TEKNOLOGI

Sumber fizikal dan sumber teknologi Perniagaan Jus Buah Bercampur Segar perlu diurus dengan baik. Berikut adalah maklumat tentang pengurusan sumber fizikal dan sumber teknologi Perniagaan Jus Buah Bercampur Segar.

5.9.1 JENIS SUMBER FIZIKAL DAN TEKNOLOGI

1) SUMBER FIZIKAL

A) Premis Perniagaan

~premis perniagaan diberikan perlindungan insuran

~setiap 4 bulan sekali, premis perniagaan akan melaksanakan proses penyelenggaraan berlaka

B) Kenderaan (Lori)

~kenderaan perniagaan akan diberi perlindungan insurans mengikut kadar semasa

~Selain itu, kenderaan ini juga perlu melalui proses penyelenggaraan dan baik pulih setiap 3 bulan sekali.

~harga pemandu yang dibayar melaksanakan kerja ini.

C) Peralatan/Mesin Jus

~alatan seperti mesin jus untuk memproseskan bahan ataupun produk

Jus yang dihasilkan daripada buah-buahan tempatan. Antara buah

Tempatan yang digunakan ialah buah kelapa muda dan buah lemon.

2) SUMBER TEKNOLOGI

A) Kemahiran Dan Pengalaman

~Pekerja yang berkemahiran dan berpengalaman penting bagi perniagaan kerana

dapat mengurangkan risiko berlakunya kesilapan, menjamin kualiti dan dapat mengelakkan pembaziran tenaga kerja

5.9.2 JUSTIFIKASI PROSEDUR PENGURUSAN SUMBER FIZIKAL DAN TEKNOLOGI.

Prosedur pengurusan sumber fizikal dan teknologi yang terdapat pada Perniagaan Jus Buah Bercampur Segar adalah meliputi perlindungan insuran dan keselamatan serta penyelenggaraan baik pulih secara terancang. Antara perlindungan insurans yang diambil adalah seperti insuran kebakaran, kecurian dan keselamatan perniagaan dilindungi. Hal ini juga dapat menjaga perniagaan daripada sebarang jenis risiko atau ancaman sekali gus dapat melancarkan operasi.

Selain itu, penyelenggaraan terhadap mesin dan peralatan untuk membuat jus ini berjalan dengan lancar. Hal ini juga dapat memastikan mesin dan peralatan dalam keadaan baik dan tahan lama. Penyelenggaraab secara berkala juga dapat mengurangkan risiko kerosakan terhadap mesin.

Selepas itu, justifikasi sumber teknologi bagi perniagaan membuat jus buah juga penting di mana pekerja tanpa kemahiran dan pengalaman akan mengurangkan kelancaran perniagaan. Pekerja yang mempunyai kemahiran dan pengalaman merupakan satu kelebihan kepada perniagaan kerana pekerja yang berkemahiran tahu akan tugas mereka kerana mempunyai pengalaman sekali gus mengelakkan pembaziran pekerja. Hal ini juga dapat menjamin kualiti dan prestasi perniagaan. Pekerja yang mahir dan berpengalaman juga akan meningkatkan kualiti dan prestasi perniagaan. Pekerja yang mahir dan berpengalaman juga akan meningkatkan kualiti dan produktiviti perniagaan. Pekerja yang berpengalaman juga akan mengelakkan risiko kesilapan semasa menjalankan tugas. Seterusnya, pekerja akan terus diberikan latihan dan kursus secara berkala bagi memastikan tahap motivasi perkerja tinggi dan semangat untuk bekerja serta mengelakkan pusing ganti pekerja.

6.0 RANCANGAN PEMASARAN

Rancangan pemasaran disediakan oleh Perniagaan Jus Buah Bercampur Segar untuk memudahkan proses Jus Kelapa Lemon untuk menjadi terkenal di pasaran Perniagaan Jus Buah Bercampur Segar akan melakukan analisis industri pasaran produk dan analisis pasaran produk minuman jus.

6.1 ANALISIS INDUSTRI

Industri minuman mempunyai pasaran yang luas di Malaysia. Walau bagaimanapun, penghasilan produk jus minuman sihat Jus Kelapa Lemon masih baru di pasaran. Produk jus minuman sihat keluaran Perniagaan Jus Buah Bercampur Segar mempunyai beberapa pesaing. Berikut adalah perbandingan produk keluaran perniagaan dengan pesaing terdekatnya adalah seperti dibawah:

6.1.1 KEKUATAN DAN KELEMAHAN PRODUK DENGAN PESAING

Nama pesaing: Nature Farm

KEKUATAN	KELEMAHAN
<i>Menggunakan mesin proses susu yang canggih</i>	<i>Harga mahal</i>
<i>Sesuai untuk kanak-kanak</i>	<i>Ketinggalan zaman</i>
<i>Sumber manusia diberi latihan</i>	<i>Kekurangan tenaga kerja</i>

6.1.2 PERBANDINGAN PRODUK DENGAN PESAING

<i>Jus Kelapa Lemon</i>	<i>Susu Nature Farm</i>
<i>Pembungkusan menarik perhatian pelanggan</i>	<i>Pembungkusan tidak menarik</i>
<i>Hanya mempunyai 1 perisa sahaja</i>	<i>Pelbagai perisa minuman</i>
<i>Harga murah</i>	<i>Harga mahal</i>

6.1.3 STRATEGI HARGA PESAING

Perniagaan Nature Farm mempunyai startegi harga dalam menjual produknya berikut adalah perbandingan strategi harga pesaing.

HARGA(Jus Kelapa Lemon)	HARGA(Susu Nature Farm)
Saiz 180 ml RM 2.00	Saiz 180 ml RM 2.80
Saiz 250 ml RM 2.50	Saiz 250 ml RM 3.90
Saiz 500 ml RM 3.30	Saiz 500 ml RM 6.50

ALASAN:

-Harga Jus Kelapa Lemon dari Perniagaan Jus Buah Bercampur Segar adalah lagi murah daripada Nature Farm.

-Mempunyai saiz yang sama tetapi harga berlainan

6.1.3 STRATEGI PROMOSI

Perniagaan Jus Buah Bercampur Segar menggunakan pelbagai kaedah untuk menyebarkan maklumat perkhidmatan yang dijalankan oleh Perniagaan Jus Buah Bercampur Segar seperti Facebook,Whatsapp,Instagram dan Email.Selain itu, kami menawarkan tawaran khusus kepada warga emas,dan pelanggan tetap.Selepas itu,terdapat potongan harga diskaun ditawarkan kepada pelanggan tetap bagi menghargai pelanggan yang telah membeli produk jus kami.Di samping itu,pelanggan yang membeli produk jus minuman kami untuk pertama kalinya akan diberikan diskaun 1% hingga 4%.Akhir sekali,Perniagaan Jus Buah Bercampur Segar ini akan mengedarkan produk di setiap kempen yang diadakan seperti kempen yang melibatkan kesihatan bagi meluaskan pengaruh Perniagaan Jus Buah Bercampur Segar.

6.2 ANALISIS PASARAN

Analisis pasaran produk Jus Kelapa Lemon dilaksanakan oleh perniagaan Jus Buah Bercampur Segar untuk mengetahui tentang situasi permintaan pengguna terhadap pasaran jus minuman.

Berdasarkan keadaan ekonomi semasa produk keluaran harga produk minuman jus sihat keluaran Jus Buah Bercampur Segar ialah seperti berikut:

NO	SAIZ	HARGA
1	180ml	RM 2.00
2	250ml	RM 2.50
3	500ml	RM 3.30

6.2.1 SYER PASARAN

Mengikut data yang diperolehi oleh pasukan pemasaran perniagaan Jus Buah Bercampur Segar berkaitan jumlah pembelian minuman jus adalah kira-kira bernilai 1 juta sebulan

Perniagaan Jus Buah Bercampur Segar menyasarkan untuk mempunyai kira-kira 20% daripada jumlah keadaan syer pasaran minuman jus.

Oleh itu, jumlah peratus syer pasaran yang dimiliki oleh Perniagaan Jus Buah Bercampur Segar ialah

$$20/100 \times 1,000,000 = 200,000 \text{ sebulan}$$

6.2.2 MENGHITUNG SASARAN JUALAN DAN SASARAN UNTUNG

i) Sasaran Jualan

-Berikut merupakan sasaran jualan Perniagaan Jus Buah Bercampur Segar bagi tempoh satu tahun (1 Ogos 2022-31 Julai 2023).Perniagaan ini memasarkan peningkatan maksimum sebanyak 10% sebulan:RM

BULAN	SASARAN JUALAN
2022	2022
OGOS	RM28,411.50
SEPTEMBER	RM31,252.65
OKTOBER	RM34,377.92
NOVEMBER	RM37,815.71
DISEMBER	RM41,597.30
2023	2023
JANUARI	RM45,757.00
FEBRUARI	RM50,332.71
MAC	RM55,366.00
APRIL	RM60,902.60
MEI	RM66,992.90
JUN	RM73,692.15
JULAI	RM81,061.40

Berikut adalah pengiraan sasaran jualan bagi Perniagaan Jus Buah Bercampur Segar pada bulan Ogos

<i>BUTIRAN</i>	<i>HARGA</i>	<i>JUMLAH PELANGGAN</i>	<i>JUMLAH SEHARI</i>	<i>JUMLAH SEBULAN</i>
<i>Botol saiz 180ml</i>	<i>RM2.00</i>	<i>100</i>	<i>RM200.00</i>	<i>RM6200</i>
<i>Botol saiz 250ml</i>	<i>RM2.50</i>	<i>115</i>	<i>RM287.50</i>	<i>RM8912.50</i>
<i>Botol saiz 500ml</i>	<i>RM3.30</i>	<i>130</i>	<i>RM429.00</i>	<i>RM13299.00</i>
<i>JUMLAH</i>			<i>916.50</i>	<i>28411.50</i>

ii) Sasaran Untung

--Berikut merupakan sasaran untung jualan Perniagaan Jus Buah Bercampur Segar bagi tempoh satu tahun (1 Ogos 2022-31 Julai 2023).Perniagaan ini memasarkan peningkatan maksimum sebanyak 10% setahun:

BULAN	SASARAN UNTUNG
2022	2022
OGOS	RM3,125.31
SEPTEMBER	RM3,437.84
OKTOBER	RM3,781.62
NOVEMBER	RM4,159.80
DISEMBER	RM4,575.80
2023	2023
JANUARI	RM5,033.34
FEBRUARI	RM5,536.70
MAC	RM6,090.34
APRIL	RM6,699.40
MEI	RM7,369.31
JUN	RM8,106.24
JULAI	RM8,916.90

Berikut adalah pengiraan sasaran untung bagi Perniagaan Jus Buah Bercampur Segar pada bulan Ogos

BUTIRAN	HARGA	JUMLAH PELANGGAN	JUMLAH SEHARI	JUMLAH SEBULAN	SASARAN UNTUNG
Botol saiz 180ml	RM2.00	100	RM200.00	RM6200	28411.50 X 10% =2,841.15
Botol saiz 250ml	RM2.50	115	RM287.50	RM8912.50	2,841.15 X 10% =284.16
Botol saiz 500ml	RM3.30	130	RM429.00	RM13299.00	2841.15+284.16 =RM3,125.31
JUMLAH			916.50	28411.50	

7.0 RANCANGAN KEWANGAN

KEPERLUAN MODAL PERNIAGAAN

Perniagaan Jus Buah Bercampur Segar memulakan pembiayaan sebanyak RM100,00. Anggaran bayaran bulanan adalah seperti berikut berdasarkan Pembiayaan Agrofood Facility daripada Bank Simpanan Nasional. Rujuk jadual dibawah:

PEMBIAYAAN YANG DIPOHON	RM100,000
FAEDAH YANG DIKENAKAN	3.75% setahun
TEMPOH PEMBAYARAN	7 tahun

Pengiraan modal asas= 100,000/84 bulan

=RM1190.50

Pengiraan faedah=100,000 x 3.75% x 7 tahun

=RM26,250

Bayaran bulanan=26,250/84 bulan

=RM312.50

Jumlah bayar=bayaran asas + bayaran faedah

=RM1190.50 + 312.50

=RM1503.00

8.0 PENUTUP

Perniagaan Jus Buah Bercampur Segar akan berjaya kerana mempunyai pejabat perniagaan yang terletak di kawasan yang strategik dan mempunyai kawasan yang berpenduduk padat. Hal ini akan menjadi perniagaan lebih terkenal dan dapat memaksimumkan sasaran jualan dan untung. Kawasan yang berpenduduk padat dan strategik juga mamou mengembangkan lagi pengaruh operasi Perniagaan Jus Buah Bercampur Segar.

Perniagaan Jus Buah Bercampur Segar sangat menghargai sumbangan teknologi ICT kerana dengan adanya teknologi seperti Whatsapp, Instagram dan Facebook dapat membuatkan Perniagaan Jus Buah Bercampur Segar dapat dikenali khususnya di kawasan sekitar Ipoh atau seluruh negeri Perak. Teknologi ICT juga membantu Perniagaan Jus Buah Bercampur Segar dalam memasarkan perkhidmatan pembersihan kepada pelanggan melalui iklan di media sosial.

Selain itu, Perniagaan Jus Buah Bercampur Segar menghargai khidmat agensi seperti Tekun Nasional yang memberikan pinjaman modal kepada usahawan untuk memulakan perniagaan. Tekun Nasional menyediakan pelbagai bantuan kepada usahawan seperti menyediakan pembiayaan mikro yang mudah dan cepat, menyediakan khidmat bimbingan dan sokongan kepada usahawan Tekun Nasional dan memupuk budaya keusahawan serta mengamalkan menabung di kalangan usahawan.

Perniagaan Jus Buah Bercampur Segar menjalankan tanggungjawab sosial terhadap pekerja seperti memberikan bonus dan komisen kepada pekerja. Tanggungjawab sosial terhadap masyarakat pula, memberi layanan terbaik dan memastikan minuman dalam keadaan baik, bersih dan tidak kotor.

Kesimpulannya, saya ingin membuka beberapa cawangan di kawasa semenanjung Malaysia bagi meluaskan pengaruh Perniagaan Jus Buah Bercampur Segar sekali gus dapat membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat tempatan pada masa hadapan. Justeru, saya ingin memberikan pendedahan kepada masyarakat akan kepentingan menjaga kesihatan diri daripada sebarang penyakit atau kuman yang berada dalam tubuh badan.